

Militan: PM bimbang sikap ibu bapa

UM 26 JAN 2002

MELAKA 25 Jan. — Kerajaan bimbang dengan kecenderungan ibu bapa menghantar anak belajar agama di negara tertentu sehingga memungkinkan mereka terjebak dalam kegiatan militan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, walaupun pelajar-pelajar berkenaan pergi kononnya untuk belajar agama tetapi kerajaan mengetahui bahawa di madrasah di negara tertentu seperti di Pakistan mereka diajar bagaimana untuk memberontak menjatuhkan kerajaan.

"Mereka bukannya belajar agama tetapi diajar bagaimana untuk memberontak atas sebab itulah dalam satu wawancara seorang pelajar (di negara berkenaan) apabila ditanya apabila besar (dewasa) hendak menjadi apa dia (kata) nak jadi mujahiddin. Itu bukannya belajar agama," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar

selepas merasmikan sambutan Hari Kastam Sedunia ke-20 di sini hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas penahanan terbaru anggota kumpulan militan KMM oleh polis seperti diumumkan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai di Kuala Lumpur semalam.

Perdana Menteri berkata, penglibatan banyak pelajar dalam kegiatan militan seperti KMM telah menimbulkan persoalan apakah pemergian mereka ke Pakistan atau negara-negara lain benar-benar untuk belajar agama atau perkara lain.

"Mereka ini pulang ke tanah air selepas mempunyai hubungan dengan Taliban dan Al-Qaeda, mereka dilatih di negara berkenaan untuk perang gerila, penggunaan bom dan senjata serta bagaimana hendak mencuri, semua itu dilatih di sana," katanya.

Oleh itu, tegas Dr. Mahathir kumpulan berkenaan apabila pulang melakukan perbuatan ganas termasuklah dalam kes

pembunuhan ke atas Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Lunas, Dr. Joe Fernandez, meletupkan bom dan cuba menyamun senjata di Balai Polis, Guar Cempedak.

"Mereka juga merompak bank bagi membiayai perbelanjaan mereka, ini semua mereka belajar di sana," katanya.

Ditanya apakah kerajaan akan meminta kedutaan Malaysia di luar negara mengawasi penghantaran pelajar ke negara-negara berkenaan, Dr. Mahathir berkata: "Semua orang tahu kita ambil tindakan, oleh itu tak payahlah nak arah sesiapa."

Mengenai siasatan polis yang mengesahkan bahawa KMM terlibat dengan Al-Qaeda sehingga mungkin akan menjejaskan nama baik negara ini, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak berpendapat sedemikian.

"Setakat ini tidak ada negara yang tuduh kita memberi perlindungan kepada pengganas, ada negara lain yang berbuat

demikian, kita tidak ada beri perlindungan," katanya.

Menjawab satu soalan, Dr. Mahathir berkata, walaupun setakat ini madrasah atau tadika Islam terutama yang dikenalal oleh parti pembangkang belum sampai ke tahap mendidik pelajar mereka menjadi pengganas namun minat ke arah itu sudah wujud.

"Ada sekolah agama yang membangkitkan ke-

bencian kepada kerajaan, ini sebagai permulaan, apabila sudah benci sangat dia ajar bagaimana untuk jatuhkan kerajaan dengan menggunakan kekerasan, ini yang berlaku di Pakistan dan Afghanistan," katanya.

Dr. Mahathir juga menjelaskan bahawa kumpulan seperti itu mengangap semua kerajaan negara Islam tidak Islam oleh itu mereka bercadang untuk menjatuhkannya.

Ditanya mengenai banyak anggota KMM terdiri daripada golongan profesional Melayu, Dr. Mahathir berkata, mereka ini terpengaruh dan taksub dengan guru agama dari Indonesia yang kini sudah lari ke negara asalnya.

"Kita (kerajaan) dapati bahawa mereka ini telah ditemui oleh orang seperti yang lari ke Indonesia, orang ini mempengaruhi mereka walaupun mereka

ini (profesional Melayu) terlatih dalam bidang lain tetapi mereka dipengaruhi oleh pihak yang mengaku guru agama atau pemimpin agama," katanya.

Mengenai laporan yang menyatakan Washington kini memberi tumpuan kepada Asia Tenggara sebagai pusat latihan Al-Qaeda, Dr. Mahathir berkata, langkah itu tidak akan menjejaskan ekonomi negara ini.